

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(X)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB. GOH CHOON AIK**

13. Bagaimanakah sambutan penduduk setempat terhadap *Penang Congestion Alleviation Transport* (CAT) laluan Batu Kawan sehingga 30 Julai 2018.
 - (a) Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah ditanggung oleh Kerajaan Negeri?
 - (b) Adakah perkhidmatan ini akan dipanjangkan ke Perkampungan Valdor, Taman Bakap Indah dan Pekan Sungai Bakap?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

13. Sambutan penduduk setempat terhadap perkhidmatan bas percuma *Congestion Alleviation Transport* (CAT) di laluan Batu Kawan adalah amat menggalakkan. Sejak tarikh pelancaran pada 6 Julai 2018 sehingga 18 Julai 2018, purata penumpang sehari adalah seramai 183 orang. Perincian berkaitan jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan di laluan Batu Kawan ini adalah seperti di **Lampiran A**.
 - (a) Jumlah kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri untuk menyediakan perkhidmatan bas percuma bagi laluan Batu Kawan adalah sebanyak RM 1,168,000.00 setahun.

- (b) Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan perkhidmatan bas percuma *Congestion Alleviation Transport* (CAT) ini akan dipanjangkan ke Perkampungan Valdor, Taman Bakap Indah dan Pekan Sungai Bakap sekiranya terdapat permintaan dan keperluan pada masa hadapan. Pemilihan kawasan bagi melaksanakan perkhidmatan bas percuma CAT adalah berdasarkan beberapa kriteria seperti berikut:
- (i) Kawasan berdensiti tinggi dan padat dengan kawasan perumahan/perindustrian/perniagaan;
 - (ii) Kawasan yang mengalami kadar kesesakan trafik yang tinggi;
 - (iii) Kawasan yang perlu dinaik taraf sistem pengangkutan awam termasuk infrastruktur yang membantu;
 - (iv) Kawasan yang mempunyai banyak aktiviti harian/perniagaan dan lain-lain; dan
 - (v) Kawasan yang tidak mempunyai perkhidmatan bas sebelum ini.

Oleh yang demikian, dengan mengambil kira kesemua kriteria di atas, Kerajaan Negeri telah memutuskan hanya 12 laluan yang merangkumi 6 laluan di Bahagian Pulau (Air Itam, Balik Pulau, Tanjung Tokong, George Town, Bayan Baru dan Sungai Dua) dan 6 laluan di Seberang Perai (Bukit Mertajam, Nibong Tebal, Batu Kawan, Bertam, Alma dan Seberang Jaya) akan dilaksanakan terlebih dahulu.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri bersedia untuk meneliti dan mempertimbangkan penambahan perkhidmatan ini ke kawasan Perkampungan Valdor, Taman Bakap Indah dan Pekan Sungai Bakap sekiranya terdapat keperluan dan menepati kriteria pemilihan kawasan seperti senarai di atas.

